

09 AUG 2003

Mahathir-Algeria/I UPDATE 1

DR MAHATHIR LAWAT ALGERIA, SWAZILAND DAN SYRIA

Oleh: Mokhtar Hussein

ALGIERS, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memulakan lawatan sembilan hari ke Algeria, Swaziland dan Syria mulai esok bagi meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan.

Perdana Menteri dijangka tiba di sini petang esok dan mengiringi beliau ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan rombongan yang dianggotai menteri-menteri kabinet, menteri besar dan ahli perniagaan.

Semasa lawatan rasmi tiga harinya di sini, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan empat mata dengan Presiden Abdelaziz Bouteflika serta menyaksikan perjanjian perdagangan dan perjanjian pertukaran berita antara Bernama dan agensi berita Algeria, Algerie Presse Service (APS).

Pertukaran berita itu sebahagian daripada usaha merealisasikan Gerbang Maklumat Selatan-Selatan (SSIG) yang dicetuskan oleh Dr Mahathir pada Dialog Antarabangsa Langakwi (LID) 1999.

Algeria, sebuah negara yang terletak di Afrika Utara dan bersempadan dengan Tunisia dan Maghribi adalah negara kedua terbesar di benua itu selepas Sudan.

Negara Arab bekas jajahan Perancis itu dengan keluasan 2,381,749 km persegi mempunyai jumlah penduduk sebanyak 32 juta orang dan kaya dengan hasil bumi seperti minyak dan gas asli.

Pegawai Wisma Putra berkata Dr Mahathir akan menghadiri dialog perniagaan Malaysia-Algeria sebelum berlepas ke Swaziland pada 13 Ogos untuk lawatan empat hari. Perdana Menteri akan menghadiri Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) di Manzini, Swaziland.

Selepas melawat negara itu, Dr Mahathir akan berlepas pula ke Damsyik, Syria untuk lawatan tiga hari.

Semasa di Syria, Dr Mahathir dijadual berjumpa Presiden Bashar Al-Assad dan perbincangan dijangka akan berkisar tentang keadaan di Timur Tengah dan era selepas perang di Iraq.

Semasa pencerobohan Iraq tempoh hari, Malaysia telah menyuarakan kebimbangan tentang hasrat Amerika Syarikat menyerang Syria dengan mengatakan serangan itu akan mencetus satu lagi mala petaka.

Laporan sebelum ini menyebut Malaysia akan memainkan peranan mendapatkan sokongan negara anggota Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) terhadap usul Syria agar Asia Barat bebas daripada senjata pemusnah besar-besaran.

Perdana Menteri juga dijadual mengadakan perjumpaan dengan ulama-ulama Syria selain berjumpa para pelajar Malaysia di negara Arab itu.

-- BERNAMA

MOK YBK MOZ